

PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Maksud Bekalan 2



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
2,240,000	0	0	2,240,000

OBJEKTIF

Menentukan pentadbiran Majlis Raja-Raja di bawah peruntukan dalam Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan diuruskan dengan teratur.

PELANGGAN

Secara langsung

- (i) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (ii) Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja; dan
- (iii) Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

Secara tidak langsung

- (i) Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian-Kementerian serta Agensi-Agensi Kerajaan Pusat dan Negeri; dan
- (ii) Pihak swasta dan orang ramai.

STRATEGI

Mempertingkatkan dan memperkemaskan tugas sebagai urus setia kepada Majlis Raja-Raja serta mengambil tindakan susulan dan memberitahu keputusan Majlis dengan cepat dan teratur. Di antara tumpuan utama adalah kepada pengurusan bayaran/perkhidmatan seperti berikut :

- (i) Elaun Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- (ii) Tambang-tambang kapal terbang (termasuk sewa kapal terbang Tentera Udara DiRaja Malaysia bagi kegunaan Raja Yang Mempengerusikan Mesyuarat) daripada negeri masing-masing ke Kuala Lumpur atau ke tempat di mana mesyuarat Majlis Raja-Raja (di luar Kuala Lumpur) diadakan;
- (iii) Tuntutan daripada Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur kerana sewa perkhidmatan kereta-kereta Kumpulan Kerajaan yang diguna oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja; dan
- (iv) Tuntutan bayaran balik sewa hotel untuk kediaman Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri sekiranya istana masing-masing tidak dapat digunakan.

PROGRAM 1 : PENTADBIRAN AM

Objektif – (a) Memberi khidmat sokongan dari segi pentadbiran am, pengurusan kewangan dan personel yang cekap dan berkesan kepada urus setia Majlis Raja-Raja; (b) Memberi khidmat mengumpul maklumat serta menyampaikan keputusan penetapan tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Aidiladha dengan cepat dan teratur; dan (c) Memberi khidmat dalam pengurusan pentadbiran dan pelaksanaannya supaya Mesyuarat Majlis Raja-Raja dapat diadakan dengan teratur, lancar dan sempurna.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2011 (Sebenar)	2012 (Anggaran)	2013 (Anggaran)
Bil. penyediaan baucar tuntutan/bayaran pentadbiran dan elaun mesyuarat Majlis Raja-Raja	526	550	550
Bil. urusan ketibaan dan keberangkatan balik DYMM/TYT menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan lain-lain urusan	123	120	120
Bil. Mesyuarat <i>Pre-Council</i> Majlis Raja-Raja	3	3	3
Bil. Mesyuarat Majlis Raja-raja dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri sempena Mesyuarat Majlis Raja-raja	8	6	6
Bil. penyelarasan Jawatankuasa Melihat Anak Bulan dan Penetapan Tarikh Awal Puasa, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Aidiladha	3	3	3

Maksud Bekalan 2 - PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

B.2

Pegawai Pengawal: PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

Butiran	Program Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran 2012 RM	Anggaran 2013 RM	Bil. Jawatan	
					2012	2013

**RINGKASAN ANGGARAN PERBELANJAAN
PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA**

10000	Emolumen		577,300	605,000		
20000	Perkhidmatan dan Bekalan		1,296,300	1,632,000		
30000	Aset		8,000	0		
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		26,700	3,000		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENURUS PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA			1,908,300	2,240,000		
010000	PENTADBIRAN AM	...	1,908,300	1,840,000		
		10000	577,300	605,000	13	13
		20000	1,296,300	1,232,000		
		30000	8,000	0		
		40000	26,700	3,000		
020000	"ONE-OFF"	...	0	400,000		
		20000	0	400,000		
020100	Mesyuarat Majlis Raja-Raja	...	0	400,000		
		20000	0	400,000		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENURUS			1,908,300	2,240,000	13	13